

Pelbagai acara meriah sambutan

Larian Bendera Sang Saka Bangsa kumpul sejuta tandatangan rakyat

Oleh Nor Fariza Ramlan
norfariza@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Ulang tahun UMNO ke-66 yang disambut selama tiga hari mulai hari ini menyediakan pelbagai program bagi memeriahkan sambutan besar-besaran di Kompleks Sukan Bukit Jalil, di sini.

Bertemakan UMNO Pembela Rakyat, sambutan menyediakan ruang eksplo membabitkan pameran UMNO dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), ruang seni, muzik, pancaragam, fesyen tekstil, projek rabak (komuniti seni) dan kuku besi (seni digital).

Ruang Teknologi pula menempatkan aktiviti animasi dan rakaman suara, pencipta robot, blogger, seramik dan kraf, pertanian hidroponik oleh Persatuan Mahasiswa Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) serta eksplo pekerjaan melalui program 'BN Youth Job Fair'.

Ruang motivasi pula menyediakan program Kasih Dia, membabitkan pameran industri halal produk dan perkhidmatan, seni mempertahankan diri, usahawan muda, kumpulan usahawan serta aktiviti oleh Majlis Sukan Negara.

Bermula 1 Mei lalu, program Larian Bendera Sang Saka Bangsa dari utara, selatan, timur serta Sabah berakhir di Bukit Jalil bermatlamat mengumpul sejuta tandatangan sebagai tanda sokongan rak-



yat terhadap perjuangan parti.

Sementara itu, bendera Sang Saka Bangsa kini tiba di Selangor selepas lima hari berada di Pahang.

Larian bendera berakhir di kawasan Rehat dan Rawat Gombak Barat, diserahkan kepada UMNO Selangor, semalam.

Penyerahan dilakukan Ketua Pemuda UMNO Pahang, Datuk Abu Jimi Samat kepada Bendahari Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Fateh Iskandar Mohamed Mansor.

Fateh Iskandar berkata, program itu mendapat sambutan hebat daripada rakyat Selangor dan membawa angin perubahan ketara 22 bahagian di negeri berkenaan.

"Masyarakat di Selangor kini tidak sabar untuk menghadapi pilihan raya umum, malah UMNO optimis negeri ini akan kembali kepada pemerintahan Barisan Nasional.

"Seramai 25,000 ahli UMNO ber-



FATEH (tengah) bersama Abu Jimi (dua dari kanan) dan Ketua Penerangan UMNO Selangor, Abdul Shukor Idrus (dua dari kiri) meneruskan Larian Bendera Sang Saka Bangsa di kawasan Rehat dan Rawat Gombak Barat, semalam.

sama rakyat Selangor menyertai larian ini," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Ketua Pemuda UMNO Pahang, Datuk Abu Jimi Samat, berkata penyerahan bendera berkenaan semalam disertai lebih 100 motosikal

berkuasa tinggi diiringi 200 ahli UMNO Pahang.

"Sang Saka Bangsa dibawa menjelang ke 14 Parlimen dan 11 daerah di Pahang dalam usaha menyemarakkan semangat ahli UMNO di negeri berkenaan," katanya.